



Jawapan

Pelajaran 6

1. Murid baca dengan betul, lancar dan bertajwid
2. Dan orang yang terdahulu yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dalam kalangan orang “Muhajirin” dan “Ansar” serta orang yang mengikuti mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.
3. Maksud sahabat dari sudut bahasa ialah yang mendampingi, manakala dari sudut istilah ialah sesiapa yang berjumpa dengan Rasulullah SAW dan beriman kepadanya serta meninggal dunia dalam Islam.
4. (a) Allah SWT reda dan menerima pengorbanan serta dimasukkan ke dalam syurga
(b) Diangkat darjat yang sangat tinggi di sisi-Nya bagi mereka yang membelanjakan harta dan berjuang di sisi Allah
5. (a) Kita hendaklah mengelakkan diri daripada membenci, mencela, mencaci dan menghina para sahabat
(b) Kita hendaklah berusaha dengan menjadikan amalan para sahabat sebagai contoh ikutan supaya mendapat syurga yang abadi
(c) Bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat kurniaan Allah SWT dengan menjauhi larangan-Nya

- (d) Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba dalam urusan kebaikan sehingga menjadi seperti Assabiqunaulawalun

6. Aktiviti murid

Praktis Masteri 6

Bahagian B

1. (a) (i) Ansar
(ii) sahabat
(iii) Muhajirin
(iv) Anas bin Malik
- (b) Dengan mencontohi semangat perjuangan para sahabat Nabi Muhammad SAW akan membolehkan seseorang itu dapat membezakan perkara yang baik dan buruk seterusnya membentuk akhlak yang mulia.
- (c) Sumbangan terbesar Sayidina Abu Bakar al-Siddiq ialah beliau telah mengumpul semula semua naskhah al-Quran dan mengkitab semula mukjizat Rasulullah itu menjadi panduan umat Islam sehingga kini. Hal ini kerana beliau runsing dengan kemunculan golongan murtad dan nabi palsu, maka beliau telah mengarahkan Zaid bin Thabit supaya mengumpulkan semua tulisan ayat al-Quran serta menyalinnya semula.